



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PELAKSANAAN TUGASAN SENI TERAPEUTIK DALAM PROSES PdP PENDIDIKAN SENI VISUAL DI SEKOLAH RENDAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SITI ALMUNAWWARAH BINTI SHAHUDDIN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PELAKSANAAN TUGASAN SENI TERAPEUTIK
DALAM PROSES PdP PENDIDIKAN SENI
VISUAL DI SEKOLAH RENDAH**

SITI ALMUNAWWARAH BINTI SHAHUDDIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN SENI VISUAL
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SENI, KELESTARIAN DAN INDUSTRI KREATIF
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

/		

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 24/1/2023

Perakuan Pelajar:

Saya, SITI ALMUNAWWARAH BINTI SHAHUDDIN, M20191000978 FAKULTI SENI, KELESTARIAN DAN INDUSTRI KREATIF dengan ini mengaku bahawa disertasi yang bertajuk PELAKSANAAN TUGASAN SENI TERAPEUTIK DALAM PROSES PdP PENDIDIKAN SENI VISUAL DI SEKOLAH RENDAH adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya..




Tandatangan pelajar

Perakuan Penyelia:

Saya PROF. MADYA DR. ZAHURI BIN KHAIRANI dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PELAKSANAAN TUGASAN SENI TERAPEUTIK DALAM PROSES PdP PENDIDIKAN SENI VISUAL DI SEKOLAH RENDAH dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (SENI VISUAL).

01 JULAI 2023

Tarikh



Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PELAKSANAAN TUGASAN SENI TERAPEUTIK DALAM PROSES PdP PENDIDIKAN SENI VISUAL DI SEKOLAH RENDAH

No. Matrik / Matic's No.: M20191000978

Saya / I: SITI ALMUNAWWARAH BINTI SHAHUDDIN
(Nama pelajar / Student's Name)

Mengaku membenarkan Tesis/Desertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

Acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan sainan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissestation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. /
Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar / Signature)

ASSC. PROF. DR. MOHD ZAHURI BIN KHAIRANI
Associate Professor
Art & Design Department
Faculty of Art, Computing & Creative Industry
Universiti Pendidikan Sultan Idris
38000 Tanjung Malim, Perak.

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 01 JULAI 2023

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkaitan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.
Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Salam Sejahtera dan Salam Sayang,

Sekalung penghargaan buat Prof Madya Dr Mohd Zahuri bin Khairani, selaku penyelia yang telah banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar tanpa jemu dengan penuh sabar dan kasih sayang, di samping menjadi inspirasi dan sumber rujukan saya. Tidak lupa juga buat Prof Dr Md Nasir bin Ibrahim selaku penyelia kedua saya semasa semester 1 hingga semester 3 atas tunjuk ajar dan bantuan berkaitan kajian saya. Jutaan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan atas segala jasa budi dan pengorbanan yang telah diberikan oleh kedua-dua penyelia. Segala idea-idea yang disumbangkan oleh penyelia telah banyak memberikan pedoman yang amat berharga dalam kehidupan saya sebagai penyelidik. Paling tidak dilupakan juga kepada kedua ibu bapaku yang tersayang, En Shahuddin bin Hashim dan Dr Nur Liyana binti Mohd Ibrahim yang sentiasa memberikan dorongan di samping memberikan kata-kata semangat dan kekuatan untuk saya terus berusaha dan berjuang demi melunaskan amanah ini. Terima kasih juga buat suamiku tercinta, Muhamad Hakim bin Azaman @ Azman yang telah banyak memberi bimbingan serta motivasi dari semasa ke semasa sepanjang proses menyiapkan disertasi ini dengan sebaiknya. Buat anugerah terindah yang tidak ku sangka turut hadir bersama iaitu bayi dalam kandunganku, Lisa Nawha binti Muhamad Hakim, terima kasih kerana ada bersama dalam perjalanan yang cukup bermakna ini. Subhanallah, Alhamdulillah, terima kasih Tuhan atas semua nikmat dan rahmat yang kau berikan. Akhir sekali, ucapan terima kasih buat adik-adikku, Siti Anis Najihah binti Shahuddin, Anas bin Shahuddin serta Ahmad Suhaimi bin Shahuddin kerana turut ada membantu dan sentiasa mendoakan agar kakaknya ini berjaya menyiapkan disertasi di peringkat sarjana sehingga selesai. Berkat usaha bersama semua pihak di atas telah membawa kepada satu hasil kejayaan yang amat bernilai dalam kehidupanku sebagai seorang penyelidik dan juga seorang guru. Semoga penyelidikan ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang. Sekian.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan potensi tugas seni terapeutik dalam meningkatkan tahap keyakinan diri murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) Pendidikan Seni Visual (PSV) di sekolah rendah. Objektif kajian ini juga meneroka keperluan tugas seni terapeutik dan reka bentuk tugas seni terapeutik yang boleh dilaksanakan semasa PdP PSV di sekolah rendah. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif reka bentuk deskriptif yang telah dilaksanakan semasa kajian rintis dan kajian sebenar. Penambahbaikan telah dilaksanakan dalam kajian sebenar berdasarkan dapatan daripada kajian rintis. Kajian ini telah dijalankan di tiga buah sekolah iaitu sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan cina dan sekolah jenis kebangsaan tamil yang melibatkan tiga (3) orang guru PSV dan 36 orang murid. Data di kumpul menggunakan pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Dapatkan data telah dianalisis secara serentak berpandukan model interaktif Miles & Huberman. Kod yang dihasilkan membentuk tema kepada tiga persoalan kajian. Dapatkan menunjukkan murid mempunyai konsep kendiri yang tinggi semasa melakukan tugas seni terapeutik. Hasil temu bual bersama tiga orang guru PSV mendapati bahawa tahap keyakinan diri murid ini memberi kesan kepada kejayaan PdP PSV. Tahap keyakinan diri murid diukur melalui hasil tugas seni terapeutik, respon murid semasa PdP dan respon guru PSV sebelum dan selepas melaksanakan tugas seni terapeutik. Kesimpulannya, tugas seni terapeutik ini sangat membantu murid untuk meningkatkan tahap keyakinan diri mereka dalam proses PdP PSV. Kajian melibatkan bidang seni terapeutik dalam mata pelajaran PSV ini dapat menghasilkan satu pengetahuan baru kepada guru-guru PSV di sekolah rendah untuk diaplikasikan dalam PdP mereka dan seterusnya mencetuskan idea-idea baharu untuk mengembangkan lagi bidang seni terapeutik ini dalam semua mata pelajaran yang ada di sekolah.





IMPLEMENTATION OF THERAPEUTIC ARTS TASKS IN THE TnL PROCESS OF VISUAL ARTS EDUCATION IN PRIMARY SCHOOLS

ABSTRACT

This study aims to look at the potential of therapeutic arts tasks in increasing the level of self-confidence among pupils during the teaching and learning (TnL) process of visual arts education (VAE) in primary schools. The objective of this study is to explore the needs and the potential design of therapeutic art tasks that can be implemented during the TnL of the VAE process. This study uses a qualitative method of descriptive design and has been carried out in the pilot study and actual studies. This study was conducted in national primary schools (SK), primary Chinese national type schools (SJKC) and primary Tamil national type schools (SJKT) involving three (3) VAE teachers and 36 pupils. Data were collected using observations, interviews, and document analysis. Data findings were analyzed simultaneously based on the Miles & Huberman interactive model. The resulting code forms the theme of the three research questions. The findings of this study showed that the pupils expressed a clear and open level of emotions and had a high self-concept while doing the therapeutic art tasks. The results of interviews with three VAE teachers stated that the level of self-confidence among pupils affected the effectiveness of TnL VAE. The level of self-confidence among pupils can be observed through the products of therapeutic art tasks, pupils' responses during TnL and PSV teachers' responses before and after performing therapeutic art. In conclusion, these therapeutic art tasks have greatly increased pupils' self-confidence levels during the TnL process of VAE. This study involves therapeutic arts in the subject of VAE that can provide new knowledge to VAE teachers in primary schools to be applied in their TnL. In addition, it sparks new ideas to further develop this field of therapeutic arts in primary schools and future studies.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
------------------------------------	----

PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
--	-----

PENGHARGAAN	iv
--------------------	----

ABSTRAK	v
----------------	---

KANDUNGAN	vii
------------------	-----

SENARAI JADUAL	xiii
-----------------------	------



SENARAI RAJAH	xiv
----------------------	-----

SENARAI SINGKATAN	xvi
--------------------------	-----

BAB 1	PENGENALAN	1
--------------	-------------------	---

1.1	Pengenalan	1
-----	------------	---

1.2	Latar Belakang Kajian	3
-----	-----------------------	---

1.3	Pernyataan Masalah	6
-----	--------------------	---

1.4	Tujuan Kajian	10
-----	---------------	----

1.5	Objektif Kajian	11
-----	-----------------	----

1.6	Persoalan Kajian	12
-----	------------------	----

1.7	Kepentingan Kajian	12
-----	--------------------	----





1.7.1	Kepentingan Kepada Kementerian Pendidikan Malaysia	12
1.7.2	Kepentingan Kepada Sekolah	13
1.7.3	Kepentingan Kepada Guru	14
1.7.4	Kepentingan Kepada Murid	14
1.8	Skop dan Batasan Kajian	15
1.9	Definisi Operasional	16
1.9.1	Keyakinan Diri	16
1.9.2	Terapi	17
1.9.3	Seni Terapeutik	18
1.9.4	Terapi Seni	19
1.9.5	Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)	19
1.10	Rumusan	20
BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	21
2.1	Pendahuluan	21
2.2	Sejarah Perkembangan Seni Terapeutik (Terapi Seni)	22
2.2.1	Sejarah Perkembangan Seni Terapeutik (Terapi Seni) dalam Pendidikan	24
2.2.2	Sejarah Perkembangan Seni Terapeutik (Terapi Seni) dalam Kesihatan	26
2.3	Istilah Seni Terapeutik dan Terapi Seni	28
2.4	Terapi Seni dalam Kaunseling	31
2.5	Terapi Seni untuk Kanak-Kanak Autisme	33
2.6	Pendidikan Seni Visual di Sekolah Rendah	34





2.7	Seni Terapeutik dalam Pendidikan Seni Visual di Sekolah	38
2.8	Keyakinan Diri Murid	41
2.8.1	Karakteristik Tahap Keyakinan Diri Murid	45
2.9	Teori Kognitif Sosial Albert Bandura (<i>Self-efficacy</i>)	46
2.10	Perspektif Perkembangan Lukisan Kanak-Kanak (8 – 12 tahun)	49
2.11	Kajian Lepas	52
2.12	Kerangka Konseptual Kajian	63
2.13	Rumusan	65
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	67
3.1	Pengenalan	67
3.2	Reka Bentuk Kajian	68
3.3	Kaedah Kajian	70
3.3.1	Prosedur Pengumpulan Data	70
3.4	Instrumen Pengumpulan Data	71
3.4.1	Temu Bual Separa Berstruktur	72
3.4.2	Pemerhatian Separa Berstruktur	74
3.4.3	Analisis Dokumen	76
3.4.4	Matrik Pengumpulan Data	77
3.5	Kajian Rintis	77
3.6	Kajian Sebenar	79





3.6.1	Pemilihan Tempat Kajian dan Peserta Kajian Sebenar	79
3.6.1.1	Peserta Kajian Pertama : Guru SK & Murid SK Tahun 6	80
3.6.1.2	Peserta Kajian Kedua : Guru SJKC & Murid SJKC Tahun 6	81
3.6.1.3	Peserta Kajian Ketiga: Guru SJKT & Murid SJKT Tahun 4	81
3.7	Triangulasi Data	82
3.8	Penganalisisan Data	83
3.8.1	Pengurangan Data	85
3.8.2	Persembahan Data	86
3.8.3	Kesimpulan	86



3.9.1	Contengan	91
3.9.2	Lukisan Garis Lurus (Lugalu)	91
3.9.3	Koyak Tampal (Kotam)	92
3.10	Rumusan	93

BAB 4 DAPATAN KAJIAN 94

4.1	Pengenalan	94
4.2	Dapatan Data Rintis	95
4.2.1	Rumusan Dapatan Data Rintis	103
4.3	Dapatan Data di SK	105
4.4	Dapatan Data di SJKC	114





4.5	Dapatan Data SJKT	123
4.6	Perincian Dapatan Data di Tiga Buah Sekolah	131
4.7	Dapatan Data kepada Tiga Persoalan Kajian	134
4.7.1	Apakah keperluan tugas seni terapeutik dalam meningkatkan tahap keyakinan diri murid semasa proses PdP PSV di sekolah rendah?	134
4.7.1.1	Cetusan Minat Murid	135
4.7.1.2	Keperluan Kendiri Murid	136
4.7.1.3	Nilai Tambah Guru PSV	138
4.7.2	Bagaimanakah rekabentuk tugas seni terapeutik yang digunakan semasa proses PdP PSV di sekolah rendah dalam meningkatkan tahap keyakinan diri murid?	141
4.7.2.1	Bahan Bantu Mengajar	141
4.7.2.2	Fleksibel	143
4.7.3	Adakah tugas seni terapeutik ini dapat meningkatkan tahap keyakinan diri murid semasa proses PdP PSV di sekolah rendah?	145
4.7.3.1	Konsep Kendiri Murid	145
4.7.3.2	Penglibatan Diri Murid	148
4.8	Rumusan	151
BAB 5	KESIMPULAN KAJIAN	153
5.1	Pengenalan	153
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	153
5.3	Kerangka Konsep Baharu	158





5.4	Sumbangan Dapatan Kajian	161
5.4.1	Sumbangan kepada Kurikulum PSV	161
5.4.2	Sumbangan kepada Guru PSV	162
5.4.3	Sumbangan kepada Murid	164
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	165
5.6	Rumusan	167
RUJUKAN		168
LAMPIRAN		182





SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Matrik Pengumpulan Data	77
4.1	Kod Data Kajian	95
4.2	Ringkasan Dapatan Kajian Rintis	102
4.3	Ringkasan Kajian Rintis	103
4.4	Ringkasan Dapatan Kajian di SK	113
4.5	Ringkasan Dapatan Data Kajian SJKC	122
4.6	Ringkasan Dapatan Data Kajian SJKT	130
4.7	Perincian Dapatan Data di Tiga Buah Sekolah Rendah	131





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
2.1	Carta alir terapi seni dan kriteria seni terapeutik yang digunakan untuk mengkategorikan sumber kajian berdasarkan struktur kajian, fasilitator, dan tujuan yang telah dikenal pasti. Kriteria yang dipilih adalah berdasarkan definisi terapi seni AATA (2013) dan penjelasan Corey (2009) mengenai proses seni terapeutik merujuk pada Pamelia (2015). 30
2.2	Kerangka Konseptual Kajian. Diadaptasi dan diubahsuai daripada “Bagan Alur Pengaruh Terapi Seni terhadap Konsep Diri Anak Merujuk pada Teori Sikap”, oleh Rifa Hidayah (2014) dan “Elemen Teori Kognitif Sosial oleh Bandura”. 63
3.1	Langkah-langkah penyelidikan deskriptif dilaksanakan. 70
3.2	Carta alir prosedur pengumpulan data yang dilaksanakan oleh penyelidik 71
3.3	Carta Alir Pelaksanaan Temu Bual Separa Berstruktur 72
3.4	Carta Alir Pelaksanaan Pemerhatian Separa Berstruktur 74
3.5	Prosedur Kajian Rintis 78
3.6	Model Interaktif Miles & Huberman (1992), Analisis Data Kualitatif Dilakukan secara Interaktif dan Terus Menerus sehingga Datanya Lengkap 85
3.7	Proses Reka Bentuk Tugasan Seni Terapeutik 87
5.1	Kerangka Konseptual Tugasan Seni Terapeutik Semasa Hasil Daripada Dapatan Kajian Penyelidikan Tugasan Seni 158





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

XV

Terapeutik dalam Meningkatkan Tahap Keyakinan Diri Murid Semasa Proses PdP PSV di Sekolah Rendah.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI SINGKATAN

BPC	Borang Pemerhatian Contengan
BPK	Borang Pemerhatian Koyak Tampal
BPL	Borang Pemerhatian Lugalu
CLC	Catatan Lapangan Contengan
CLK	Catatan Lapangan Koyak Tampal
CLL	Catatan Lapangan Lugalu



DSKP Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

FPK Falsafah Pendidikan Kebangsaan

GR Guru Rintis

GSJKC Guru Sekolah Jenis Kebangsaan Cina

GSJKT Guru Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil

GSK Guru Sekolah Kebangsaan

KPM Kementerian Pendidikan Malaysia

KSSR Kurikulum Standard Sekolah Rendah

PBS Pentaksiran Berasaskan Sekolah

PdP Pengajaran dan Pembelajaran

PSV Pendidikan Seni Visual





SCLT	Social Cognitive Learning Theory
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SK	Sekolah Kebangsaan
SS	Senarai Semak Pemerhatian
TB1	Temu Bual Sebelum
TB2	Temu Bual Selepas
TSCI	Trait Sport-Confidence Inventory
UPSR	Ujian Pentaksiran Sekolah Rendah





BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Pendidikan Seni Visual (PSV) di sekolah rendah sekarang masih berfungsi dan dilaksanakan untuk semua peringkat bermula tahun 1 hingga tahun 6. Pelbagai strategi pengajaran yang digunakan mengikut aktiviti seni yang dirancang. Strategi pengajaran yang berkesan mampu membentuk kemenjadian murid secara holistik selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. PSV juga mempunyai peranan dan sumbangan penting bagi perkembangan mutu setiap murid serta kesan yang positif kepada semua murid jika dapat dijalankan dengan terancang dan berkesan (Mohd Aizat, 2018). Malah, keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas bergantung kepada penguasaan pengetahuan pedagogi ilmu kandungan guru terhadap sesuatu mata pelajaran (Roslina, Nik, Hamdzun, 2020). Hal ini turut disokong Hattie (2012) menyatakan pembelajaran guru yang mudah dipelajari dan murid-murid dapat belajar, maka pencapaian murid-murid akan meningkat. Bermula tahun 2021, Ujian Pentaksiran Sekolah Rendah (UPSR) telah dimansuhkan dan tiada ada peperiksaan





yang menggantikan UPSR. Kenyataan ini diucapkan semasa sidang media bersama Menteri Kanan Pendidikan Malaysia, Datuk Radzi Jidin. Jadi, pencapaian murid dinilai melalui Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang akan dijalankan sebagai pengganti peperiksaan besar ini. PBS secara amnya akan berfokuskan kepada pencapaian holistik murid dari segi psikomotor, kognitif serta afektif mereka (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021). Ini menjadikan kesemua mata pelajaran yang ada di sekolah rendah menjadi fokus utama untuk murid menguasai dengan baik tanpa ada rasa tertekan seperti sebelum ini. Gude (2013) berpendapat bahawa pendidikan seni perlu meneliti struktur, kegunaan, kepelbagaiannya, dan urutan kurikulum pendidikan seni. Oleh itu, kajian ini cuba mempersoalkan alasan dan tujuan menyediakan aktiviti yang sesuai dilaksanakan dalam PdP PSV dengan menyesuaikan elemen seni terapeutik dalam meningkatkan tahap keyakinan diri murid.



Dalam mencapai murid yang holistik, perlu ada dorongan dan sokongan sama ada dari dalaman atau luaran. Penyelidik melihat mata pelajaran PSV ini sangat memberi peluang kepada murid untuk memulakan langkah dalam menyesuaikan diri dengan fenomena baharu dan ruang untuk murid bebas melontarkan idea serta pendapat. Di samping murid mencungkil kreativiti mereka, murid juga dapat mengenal pasti perasaan mereka dengan lebih jelas. Berdasarkan pembacaan dan kajian literatur, bidang pendidikan seni sangat berkait rapat dengan bidang seni terapeutik dan gabungan kedua-dua ini telah meluas diperkenalkan dalam pendidikan di seluruh dunia. Pelbagai bentuk dan kaedah yang telah diperkenalkan kepada ahli terapi, ibu bapa dan guru-guru di sekolah mengenai gabungan kedua-dua bidang ini. Penyelidik telah menyusun dan memilih tugas seni terapeutik yang merangkumi tiga aktiviti bertujuan untuk membantu murid-murid meningkatkan keyakinan diri mereka semasa pengajaran





dan pembelajaran (PdP) PSV dilaksanakan dalam bilik darjah. Tugasan ini juga diharap dapat membantu murid menemui potensi diri yang lebih kreatif dengan meminjam amalan biasa dari bidang lain. Elemen kebebasan yang ada dalam seni terapeutik ini diharapkan dapat memberi peluang dan ruang kepada murid meneroka perasaan dalaman mereka untuk membentuk peribadi yang positif. Jadi, guru PSV sememangnya memainkan peranan yang penting di samping membantu memperkembangkan potensi diri murid dalam domain kognitif, afektif dan psikomotor (Lacy, 1998 & Mohd Aizat, 2018).

1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian ini secara keseluruhannya untuk meneroka keperluan, reka bentuk dan potensi tugas seni terapeutik dalam meningkatkan tahap keyakinan diri murid semasa PdP PSV di sekolah rendah. Dalam kajian ini, penyelidik menegaskan untuk menggunakan istilah seni terapeutik sepanjang kajian ini dilaksanakan. Hal ini kerana istilah seni terapeutik lebih sesuai dan tepat untuk digunakan dalam situasi kajian penyelidik dan tidak perlu prosedur tertentu berbanding istilah terapi seni yang jelas untuk tujuan rawatan dan pemulihan. Disokong oleh beberapa penyelidik dari luar negara yang membezakan bahawa seni terapeutik tidak melalui proses terapi atau memerlukan ahli terapi seni tetapi seni terapeutik ini dapat mengenal pasti dan menangani masalah yang lebih luas ketika proses aktiviti seni dilaksanakan kepada para peserta (Glaister, 1994; Pederson, 2012; Mascarenhas, 2014; Pamelia, E.M., 2015). Dalam kajian Akila & Nadagopal (2015), pengamal percaya bahawa pembuatan seni bertujuan memberi kepuasan terapeutik yang bersifat semulajadi. Malah, pengalaman seni terapeutik boleh



menunjukkan hasil kesihatan mental seseorang walaupun dengan cara tidak sengaja tanpa prosedur terapi seni. Bagi mencapai tahap pengetahuan dan pemahaman seni terapeutik ini, guru PSV perlu memenuhi ilmu dan pengetahuan baru dalam memvariasikan strategi pengajaran kepada yang lebih mendalam sesuai dengan situasi murid. Penyelidik telah menyesuaikan tugas seni terapeutik ini untuk disisipkan dalam pengajaran model kemahiran seni visual merujuk kepada Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP) PSV. Dalam model ini, murid melakukan aktiviti amali dan didedahkan dengan pelbagai media, teknik, proses dan sumber menerusi penerokaan serta pengalaman mereka. Hal ini sesuai dengan aktiviti dalam tugas seni terapeutik itu sendiri kerana murid dapat membuat penerokaan dan membina keyakinan diri sebelum menghasilkan karya seni visual yang sebenar. Tugas seni terapeutik ini tidak terlalu rigid untuk dilaksanakan dan boleh dijalankan bila-bila masa sepanjang proses PdP PSV berlangsung mengikut kesesuaian pengajaran guru PSV. Malah, tugas seni terapeutik ini turut menggunakan strategi berpusatkan murid, di mana murid bertanggungjawab terhadap tugas mereka dan menyelesaikan sehingga akhir mengikut masa yang telah ditetapkan.

Istilah keyakinan diri murid merupakan perkara utama yang ingin dilihat oleh penyelidik kerana ia sangat serasi dengan keadaan murid di sekolah. National Research Council (1994) menyatakan kami tidak menggunakan perbezaan Bandura (*self-efficacy* dan *self-confidence*), tetapi menggunakan istilah keyakinan diri kerana ia lebih biasa bagi kebanyakan individu. Keyakinan diri seperti istilah yang digunakan di sini, adalah kepercayaan bahawa seseorang dapat menjalankan aktiviti tertentu dengan jayanya, dan bukan bersifat global yang menyumbang kepada optimisme prestasi keseluruhan (National Research Council, 1994). Penyelidik ingin melihat hasil dapatan kajian ini



dapat memenuhi keperluan individu murid dari segi keperluan emosinya, tingkah laku, kognitif atau tahap kreativitinya. Seni terapeutik dalam pengajaran guru sangat memainkan peranan penting untuk menghubungkan titik-titik antara keperluan emosi murid dengan kemahiran seni mereka tanpa sedar (Sarah, 2018). Malah, ketika proses aktiviti seni berlangsung, guru PSV mendapati bahawa ramai murid lebih bersifat terbuka dalam menceritakan perihal kehidupan mereka secara peribadi dan memberi peluang kepada murid mengeksplorasi emosinya sebagai sebahagian daripada disiplin seni (Ashley, 2017 & Sarah, 2018). Rutin pembelajaran yang sama perlu ditambah baik bagi memberi pengalaman bermakna kepada murid. Cara seseorang individu menimba ilmu pengetahuan yang terbaik secara mendalam adalah dengan membina makna secara aktif melalui interaksinya dengan persekitaran fizikal dan sosial (Fahmi & Rosnah, 2016). Jadi, diharapkan kajian tugas seni terapeutik ini dapat memberi ilmu baru kepada murid dan memberi ruang untuk murid meneroka pemikiran mereka, motivasi, dan tindakan diri sendiri dalam melakukan tugas yang diberi (Bandura, 1997) seterusnya meningkatkan tahap keyakinan diri mereka.

Berikutan daripada situasi pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia, sistem pendidikan dilaksanakan sepenuhnya secara dalam talian. Pembelajaran dalam talian ini adalah satu wahana pembelajaran secara maya menggunakan capaian internet untuk membina komunikasi antara guru dan murid tanpa memerlukan pembelajaran secara bersemuka (Windhiya, 2020). Keadaan terdesak ini semasa pandemik ini menyebabkan kajian ini perlu dilaksanakan secara dalam talian. Jadi, keperluan penyelidik perlu lebih fokus kepada pelaksanaan dalam talian dari segi jaringan internetnya dan alat teknologi yang berkaitan. Penyelidik juga akan memastikan proses kajian ini disimpan dan direkod dengan baik sehingga selesai. Cabaran ini merupakan



perkara baharu yang perlu dilalui oleh penyelidik bahkan penyelidik-penyalidik lain serta semua warga pendidik di seluruh dunia.

1.3 Pernyataan Masalah

Pendidikan Seni Visual (PSV) di sekolah rendah telah dirancang dengan baik selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan perkembangan dunia pendidikan kini. Salah satu tujuan pendidikan seni ini adalah untuk mengajar kanak-kanak belajar menyelesaikan masalah dan membuat keputusan, membina keyakinan diri dan disiplin diri, mengembangkan keupayaan untuk membayangkan apa yang mungkin berlaku serta menerima tanggungjawab untuk menyelesaikan tugas dari awal hingga akhir (*American for the Arts, 2014*). Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) PSV turut

menyatakan mata pelajaran PSV boleh melahirkan murid yang mampu menangani masalah yang kompleks dan membuat keputusan yang beretika. Malah, dalam mencapai matlamat tersebut memerlukan murid yang mempunyai konsep keyakinan diri yang mantap dan bersedia menghadapi cabaran baru dalam kehidupan sehariannya.

Namun apa yang berlaku kini, berdasarkan pengalaman peribadi penyelidik telah diperhatikan situasi-situasi yang jelas berlaku semasa aktiviti seni berlangsung sehingga menyebabkan murid hilang keyakinan diri. Antaranya apabila ada murid tidak dapat menyiapkan lukisan kerana terlalu berhati-hati untuk mencapai tahap yang diinginkan. Ada juga murid yang sering menolak aktiviti seni apabila melibatkan kemahiran yang sukar dan mencabar. Sebahagian besar krisis yang berlaku dalam sistem pendidikan disebabkan oleh keyakinan diri murid yang rendah hingga menyebabkan sebilangan murid kurang mempunyai penyertaan yang cukup dan



kemajuan yang tidak memuaskan setelah menghabiskan banyak masa di kelas (Akbari & Sahibzada, 2020). Ini turut dibuktikan lagi dengan hasil dapatan tinjauan awal daripada beberapa orang guru PSV yang mengajar mata pelajaran PSV dalam tempoh satu (1) hingga 12 tahun mengenai tahap keyakinan diri murid di sekolah. Dapatan tinjauan menunjukkan situasi-situasi murid tidak yakin masih lagi berlaku di peringkat sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Antara situasi yang berlaku termasuklah murid membuat kerja sambil lewa, hasil seni tidak memuaskan, selalu menyebut tidak pandai buat, murid tidak menunjukkan minat semasa menjalankan aktiviti seni, tidak fokus, dan takut mencuba sesuatu yang baru. Malah, hasil dapatan tinjauan ini juga menunjukkan hampir semua guru bersetuju bahawa kejayaan PdP PSV bergantung kepada tahap keyakinan diri murid ketika itu. Jadi keperluan untuk menangani situasi-situasi ini supaya berada di tahap yang minimum amat perlu dilaksanakan dalam proses PdP PSV di sekolah rendah.



Tumpuan utama kajian ini dijalankan kepada murid sekolah rendah adalah kerana dalam lingkungan umur kanak-kanak 11-14 tahun, mereka memilih untuk mempercayai mereka tidak dapat mencipta hasil yang sama dengan rakan sekelas yang lain serta mudah berputus asa hingga menentang untuk mencipta atau mempelajari seni (Leah, 2014). Ini menyebabkan murid tidak yakin untuk menyiapkan sebuah hasil seni yang baik setanding dengan rakan-rakan mereka yang lain. Apabila seorang murid membandingkan hasil kerjanya dengan orang-orang di sekitarnya, ia akan mempengaruhi bagaimana dia menilai kemampuannya sendiri. Hal ini akan mempengaruhi harga diri dan tahap kepuasan kendiri hasil dari tindakan dirinya sendiri (Bandura, 1993). Sikap ketidakyakinan mereka dalam proses penghasilan seni ini menjadi kelompongan dalam diri murid untuk meneroka dan menyelesaikan sesuatu





kemahiran seni dengan jayanya. Implikasinya, hasil karya murid tidak memberansangkan dan murid tidak dapat mencapai objektif PdP yang ditetapkan. Kelompongan ini perlu dibantu dan diatasi secara terus supaya murid dapat melakukan aktiviti seni dengan seronok tanpa ada prasangka negatif terhadap diri mereka sendiri. Guru seni dapat menyedarkan kakitangan dan keluarga murid tentang ekspresi lisan atau grafik murid yang mungkin merupakan langkah penemuan pertama dan berpotensi membantu menyelesaikan masalah (Dunn Snow & D'Amelio, 2000). Tekanan terhadap keyakinan diri mempunyai tahap tertentu yang dialami oleh semua orang dan masing-masing mempunyai cara sendiri untuk menghadapinya, tetapi tidak semua orang menemui cara yang betul dan sesuai untuk mengatasinya (Ji Sun Yoon, 2014). Kelompongan kurangnya tahap keyakinan diri murid ini diharapkan dapat dibantu dengan adanya kajian tugas seni terapeutik ini.



Sejajar dengan itu, dunia pendidikan sekarang masih menitikberatkan kepada pemarkahan standard sehingga kita lupa murid di sekolah sekarang masih berdepan dengan pelbagai isu sosial yang mencabar (Ashley, 2017). Hal ini berikutan daripada pendedahan maklumat yang terlalu banyak dan mudah diakses melalui alatan teknologi yang serba canggih sehingga generasi sekarang kurang peka dengan keperluan emosi diri dan tindakan tingkah laku yang sesuai. Beberapa tindakan telah dilaksanakan oleh guru termasuklah perbualan dengan murid mengenai perasaan mereka secara verbal atau melalui lukisan dan mengajar murid bagaimana untuk menenangkan diri. Hal ini secara tidak langsung merupakan kepada terapi seni (Ji Sun Yoon, 2014). Jadi diharapkan tugas seni terapeutik ini dapat memberi nilai tambah dalam pengajaran guru PSV untuk menjangkau lebih banyak perkembangan murid menggunakan seni terapeutik dalam bilik darjah. Tugasan ini tetap membawa ciri yang ada dalam terapi



seni iaitu dengan memberi kelonggaran dan kebebasan kepada murid sebelum membuat aktiviti seni di samping memberi kesedaran visual (Leah, 2014) tanpa menolak kandungan kurikulum PSV yang sedia ada. Kajian ini ingin membuktikan bahawa tugas ini boleh membina keyakinan murid dengan memberi peluang kepada mereka merasai dan berfikir bahawa karya seninya boleh diterima dan motivasi diri akan turut meningkat seiring dengan jangkaan yang ingin dicapai. Walaupun ada usaha menerapkan seni terapeutik, tetapi ia dilakukan secara tidak sedar kerana guru-guru tiada kemahiran yang khusus. Malah dalam KSSM mahupun KSSR, seni terapeutik ini tidak disebut secara tersurat mahupun tersirat. Dalam aspek penyelidikan di negara Malaysia, bidang seni terapeutik ini tidak diteroka sepenuhnya dan tidak digunakan secara optimum dalam bidang seni visual (Rozman, 2008). Kurikulum PSV juga tidak dinyatakan secara konkret pelaksanaan terapi seni ini (Rozman, 2008). Hal ini turut disokong oleh Jessica Neigbors dari *Center of Mental Health in Schools at UCLA* menyatakan, penyelidikan mengenai penggunaan terapi seni di sekolah masih kurang dilaksanakan. Hasil dapatan kajian lepas, sistem pendidikan di luar negara yang menggunakan seni terapeutik dalam PSV kebanyakannya melibatkan situasi pelajar dan guru di peringkat menengah dan tertiar sahaja. Beberapa kajian juga telah dijalankan mengenai kesan keyakinan diri terhadap kesediaan murid untuk mengambil bahagian dalam aktiviti dalam bilik darjah (Molberg, 2010; Al-Sibai, 2005; Gregersen & Horwitz 2002; Brown, 1994). Oleh itu, penyelidik ingin melihat sama ada tugas seni terapeutik seperti contengan (*scribbling*), lukisan garis lurus (*straight-line drawing*), koyak tampal (*tear and paste*) yang telah dikaji di sekolah di luar negara boleh dilaksanakan di peringkat lokaliti sekolah rendah di Malaysia.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menggunakan tugas seni terapeutik dalam meningkatkan tahap keyakinan diri murid semasa proses PdP PSV di sekolah rendah. Tahap keyakinan diri murid yang dimaksudkan adalah fokus semasa murid melalui proses PdP PSV sahaja. Penyelidik juga ingin melihat perubahan yang lebih positif selepas seni terapeutik ini dijalankan di tiga buah sekolah yang telah dipilih. Tiga sekolah ini dipilih bagi melihat variasi dapatan data untuk digeneralisasikan di semua peringkat sekolah rendah khususnya. Selain daripada melihat perkembangan emosi murid ketikan menggunakan tugas seni terapeutik, kajian ini juga ingin melihat kemahiran psikomotor murid, perkembangan kreativiti murid dan tingkatkan kognitif murid. Dalam penyelidikan yang telah dilakukan setakat ini, tidak ditemui alat penilaian untuk mengukur keberkesanan penghasilan seni terapeutik (Pamelia E. M., 2015). Jelas sekali bahawa pendekatan sistematik untuk mengukur potensi tugas seni terapeutik akan berbeza daripada penilaian intervensi terapi seni. Kajian ini akan mereka bentuk tugas seni terapeutik untuk membina pengalaman membuat seni terapeutik yang berfungsi sebagai platform untuk mengenal pasti elemen berkesan yang terlibat dalam proses pengalaman membuat seni terapeutik. Ini juga akan membantu untuk meningkatkan pemahaman perbezaan antara seni terapeutik dan terapi seni melalui takrifan yang lebih jelas dalam kajian ini. Tujuan kajian ini tidak sekali-kali untuk menyediakan atau mentafsir keadaan emosi, mental atau fizikal para peserta kerana itu adalah peranan seorang ahli terapi seni. Penyelidik juga tidak mahu murid merasai tekanan daripada guru dalam apa yang mereka cipta, sebaliknya mahu menggalakkan kerja impulsif, didorong oleh emosi. Tafsiran dan analisis dilakukan sentiasa demi kepentingan terbaik untuk menyokong kanak-kanak dalam pembelajaran akademiknya.

Pengukuran dari segi keyakinan diri murid diukur melalui triangulasi ketigatiga instrumen yang telah dipilih dalam kajian ini. Penyelidik masih menggunakan kandungan kurikulum PSV yang sedia ada dengan mengintegrasikan seni terapeutik dalam PdP PSV. Emosi sementara murid terutama sekali keyakinan diri murid ini perlu diberi intervensi yang jelas dan dikaji dengan mendalam untuk memastikan PdP PSV dapat dilaksanakan dengan berkesan bukan sahaja melihat kreativiti murid, malah peribadi individu murid itu sendiri. Tugasan seni terapeutik ini dilaksanakan melalui kaedah integratif yang melibatkan fikiran, psikomotor, dan keinginan dengan cara yang berbeza daripada artikulasi lisan sahaja (*American Art Therapy Association*). Di samping itu, semasa proses seni terapeutik ini dilaksanakan, kebebasan dan pilihan yang diberikan kepada murid dijalankan secara terkawal dan masih tidak lari dari objektif yang ingin dicapai. Penyelidik ingin melihat guru PSV melaksanakan tugasan seni terapeutik berpandukan panduan yang diberikan serta peranan murid ketika menjalankan tugasan seni terapeutik ini dengan membuat keputusan kendiri dan lebih yakin untuk menghasilkan sesuatu yang tidak dapat digambarkan pada akhir aktiviti.

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini mengandungi tiga objektif yang ingin dicapai, iaitu :

- 1.5.1 Meneroka keperluan tugasan seni terapeutik dalam meningkatkan tahap keyakinan diri murid semasa proses PdP PSV di sekolah rendah.
- 1.5.2 Merekabentuk tugasan seni terapeutik yang boleh digunakan semasa proses PdP PSV di sekolah rendah dalam meningkatkan keyakinan diri murid.

- 1.5.3 Menjelaskan potensi tugas seni terapeutik dalam meningkatkan tahap keyakinan diri murid semasa proses PdP PSV di sekolah rendah.

1.6 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian yang dihasilkan, tiga persoalan kajian digubal, iaitu:

- 1.6.1 Apakah keperluan tugas seni terapeutik dalam meningkatkan tahap keyakinan diri murid semasa proses PdP PSV di sekolah rendah?
- 1.6.2 Bagaimanakah rekabentuk tugas seni terapeutik yang digunakan semasa proses PdP PSV di sekolah rendah dalam meningkatkan tahap keyakinan diri murid?
- 1.6.3 Adakah tugas seni terapeutik ini dapat meningkatkan tahap keyakinan diri murid semasa proses PdP PSV di sekolah rendah?

1.7 Kepentingan Kajian

1.7.1 Kepentingan Kepada Kementerian Pendidikan Malaysia

Kajian ini penting sebagai rujukan kepada semua yang melaksanakan dasar-dasar pendidikan agar turut mengambil kira kemampuan dan kebolehan guru dan memantapkan kreadibiliti guru PSV terutama di sekolah rendah. Ini kerana guru PSV yang berkebolehan dapat meneroka pelbagai aktiviti seni yang dapat mencungkil kreativiti murid dan paling utama apabila dapat membuka ruang kepada murid meneroka idea dan emosi mereka melalui aktiviti seni. Elemen bidang lain dalam mata pelajaran PSV memang banyak telah dijadikan inovasi tetapi masih ada bidang yang kurang

diteroka iaitu bidang seni terapeutik dalam pendidikan. Elemen terapeutik ini sangat memberi kesan dalam mata pelajaran PSV dan penting untuk dimulakan bermula dari peringkat kurikulum itu sendiri sebelum disebar luas di sekolah-sekolah. Jika seni terapeutik ini telah dilaksanakan dari peringkat dasar, maka impaknya akan terhasil kepada semua pihak bawah yang terlibat. Menurut Paivi (2011), terapi seni ini dapat menyumbang kepada komuniti kerja, kurikulum individu, dan perspektif yang berkaitan dengan penyeliaan melalui pengetahuan terapeutik.

1.7.2 Kepentingan Kepada Sekolah

Seni terapeutik di sekolah dapat membuka peluang kesamarataan kepada semua murid dalam menilai konsep kendiri mereka dengan lebih baik. Di samping itu juga dapat memastikan suasana bilik darjah yang positif serta memperkasakan budaya terapeutik termasuklah dari segi komunikasi, hubungan, dan suasana yang terapeutik. Seperti sedia maklum seni ini sebagai perantaraan untuk guru serta pihak sekolah gunakan dengan lebih kreatif dan holistik dalam membentuk murid yang mahir, berbudaya, berdaya cipta serta mempunyai kecerdasan dan sahsiah diri yang mantap di samping kestabilan emosi yang baik (L.Y., 2008). Gabungan kerjasama yang baik sesama pihak sekolah dalam mengaplikasikan seni terapeutik sebagai satu amalan di sekolah akan membantu mengisi kelompongan yang ada kepada diri individu murid mahupun kakitangan pihak sekolah sendiri.

1.7.3 Kepentingan Kepada Guru

Menurut Tang (2003) dalam artikel konferens Che Aleha (2018), kualiti pengajaran guru menjadi faktor penting yang dapat menggalakkan pembelajaran yang berkesan di sekolah. Jadi suasana PdP seni visual akan menjadi lebih bersifat terapeutik jika guru tahu memilih dan menyesuaikan strategi pengajaran yang sesuai dengan keperluan diri murid dan capaian objektif pengajaran yang baik. Malah, tugasan seni terapeutik ini sebagai panduan kepada guru dalam melaksanakan set induksi yang memberi kelainan kepada rutin PdP PSV yang biasa. Guru PSV juga dapat melalui proses interaksi yang lebih mendalam bersama murid melalui tugasan seni terapeutik ini dan seterusnya dapat mewujudkan suasana PdP yang seronok dan memenuhi keperluan kendiri mereka. Selain itu, guru PSV dapat menggunakan pengetahuan ini untuk memantapkan profesionalisme guru kerana kajian ini dapat memberi pendedahan awal atau cetusan baru kepada guru meneruskan pelajaran mengenai kepentingan bidang seni terapeutik dalam mata pelajaran PSV ini. Jika guru-guru ini mahir dan berpengetahuan dalam bidang mereka sendiri, maka murid-murid juga berpeluang untuk mendapat ilmu yang maksima dan bermakna.

1.7.4 Kepentingan Kepada Murid

Kaedah terapeutik ini mampu melahirkan perasaan yang lebih menyakinkan dari penggunaan lisan. Murid akan lebih bebas dan selamat untuk berkarya kerana seni visual merupakan komunikasi yang dapat meluahkan apa sahaja yang mengaitkan selain perkataan (Rosman, 2008). Malah, dengan adanya tugasan seni terapeutik ini



dapat memberi ruang dan peluang kepada murid untuk menyelesaikan sesuatu kerja tanpa ada pemarkahan standard yang perlu dicapai. Jelas sekali kajian ini mementingkan keperluan murid terutama dalam menerima dan menyelesaikan masalah dengan cara yang lebih kreatif dan mempunyai kesejahteraan emosi yang tinggi.

1.8 Skop dan Batasan Kajian

Penyelidikan ini tertumpu pada bidang kurikulum yang terhad, namun berpotensi memberi impak kepada guru dan murid yang melaksanakan aktiviti tugas seni terapeutik ini sebagai latihan teknikal yang konsisten. Dengan memahami penggunaan sumber tambahan yang membantu dalam pembangunan artistik, guru PSV boleh

berusaha untuk meningkatkan bidang pendidikan seni dengan arahan yang bermakna dan disengajakan. Penyelidikan ini memberi gambaran tentang penggunaan aktiviti seni terapeutik yang boleh digunakan oleh guru PSV dalam pengajaran mereka. Sebagai guru PSV, adalah penting untuk mengetahui aktiviti mana yang bernilai dan paling berguna untuk murid di dalam bilik darjah dan sebabnya (Morgan, 2017). Penyelidikan ini memberi contoh bagaimana guru PSV boleh meningkatkan aktiviti mereka semasa membangunkan tugas seni serta contoh aktiviti mem yang berjaya dan tidak berjaya.

Kajian ini dilaksanakan melalui kajian rintis dan kajian sebenar. Kajian rintis dilaksanakan di sebuah sekolah kebangsaan. Manakala, kajian sebenar pula dilaksanakan di tiga buah sekolah rendah yang terletak di daerah Tanjung Malim, Perak. Tiga sekolah yang terlibat termasuklah Sekolah Kebangsaan Tg Malim, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Chung Sin, dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Tan Sri Dato



Manickavasagam. Kumpulan murid yang terlibat ialah murid tahap 2 yang berumur 10 hingga 12 tahun. Tugasan seni terapeutik ini juga dilaksanakan terus oleh guru PSV yang mengajar tahap 2 berpandukan panduan yang telah disediakan oleh penyelidik. Panduan tugasen seni terapeutik dibina dalam bentuk slaid *power point* bagi memudahkan guru PSV untuk menggunakan semasa sesi *google meet*. Ketiga-tiga sekolah ini dipilih kerana mempunyai perbezaan dari segi latar belakang sekolah, komuniti murid, dan budaya sekolah tersebut. Jadi, penyelidik ingin melihat sama ada tugasen seni terapeutik ini dapat memberi impak dalam meningkatkan keyakinan diri murid semasa proses PdP PSV di sekolah rendah. Penyelidik juga ingin melihat sama ada tugasen ini boleh dilaksanakan dan digeneralisasikan kepada murid di peringkat lokaliti sekolah rendah. Oleh itu, keputusan kajian ini bergantung kepada sumber data dan maklum balas yang diberikan oleh peserta kajian kajian sepanjang pelaksanaan kajian dalam talian semasa musim pandemik Covid-19 ini.

1.9 Definisi Operasional

Definisi operasional ini boleh dijadikan sebagai satu ukuran yang jelas dan terang tentang mekanisme yang digunakan bagi mengukur konsep kajian.

1.9.1 Keyakinan Diri

Keyakinan adalah satu sikap yang dimiliki oleh setiap individu yang mempunyai pandangan positif dirinya dan keadaannya (Srivastana, 2013). Menurut beliau lagi



keyakinan adalah kepercayaan dalam kemampuan diri dan sikap mental yang mempercayai atau bergantung pada diri sendiri. Manakala, keberkesanan diri (*self-efficacy*) juga merupakan keyakinan penilaian diri berkenaan dengan kompetensi seseorang berjaya dalam tugasnya (Mukhid, 2009). Istilah yang ketiga ini turut berkait rapat dengan konsep keyakinan diri iaitu penghargaan kendiri. Ini disokong oleh Dornyei (2005) menyatakan bahawa konsep keyakinan diri berkait rapat dengan penghargaan kendiri kerana kedua-duanya berkongsi penekanan yang sama terhadap persepsi individu terhadap kebolehannya sebagai seorang manusia.

Menurut Bandura (1977) pula, keyakinan diri adalah apabila murid dapat selesaikan sesuatu tugas sehingga selesai dan ini amat signifikan dengan penggunaan dalam kajian ini. Apabila seseorang murid itu berjaya melaksanakan tugas yang diberi dari awal hingga akhir, ia menunjukkan murid berada dalam tahap keyakinan diri yang tinggi. Malah, keyakinan diri ini juga akan disokong dengan adanya catatan perasaan atau emosi mereka selepas selesaikan melakukan tugas yang diberi. Ini turut menunjukkan penghargaan kendiri murid terhadap hasil karya yang dihasilkan tanpa ada lagi persepsi negatif terhadap diri sendiri.

1.9.2 Terapi

Definisi terapi untuk tujuan penyelidikan ini boleh difahami sebagai satu proses yang berlaku dalam hubungan antara ahli terapi dan klien dan melibatkan peranan ahli terapi, peranan klien, dan kerja yang dilakukan. Kerja terapeutik melibatkan tiga dimensi iaitu



perasaan, pemikiran dan tingkah laku. Kerja terapeutik ditakrifkan oleh matlamat, yang ditakrifkan secara khusus dan dikaitkan dengan hasil terapeutik (Corey, 2009).

1.9.3 Seni Terapeutik

Menurut *Childhood First Organization* pendidikan terapeutik ialah mempertimbangkan dan menangani pembangunan emosi dan kognitif bersama-sama secara berperingkat berdasarkan keperluan kanak-kanak. Seni terapeutik turut dicirikan kepada beberapa kriteria seperti memberikan gambaran mengenai dunia artis, menyediakan media yang tidak mengancam untuk mendedahkan kandungan yang terlalu rumit sehingga tidak sesuai dengan kata-kata, memperoleh rasa pencapaian dan pemerksaan, menyediakan media untuk perbincangan, pengajaran, dan pemahaman, persediaan asas yang stabil, pemilihan dan penyusunan kandungan, transformasi bahan, sumbangan kepada naratif sosial, dan katarsis peribadi (Glaister, 1994; Pederson, 2012; Mascarenhas, 2014; Pamelia, E.M., 2015). Matlamat seni terapeutik juga berbeza dengan terapi seni kerana tidak selaras dengan hasil kesihatan mental tertentu (Corey, 2009 & AATA, 2013). Dalam kajian ini, penyelidik mereka bentuk satu tugas seni terapeutik yang digunakan dalam PdP PSV dalam membantu murid meningkatkan keyakinan diri dan meneroka keadaan emosi mereka ketika itu.

1.9.4 Terapi Seni

Terapi seni ialah profesion kesihatan mental di mana media seni, proses kreatif dan karya seni yang terhasil digunakan untuk meneroka perasaan, mendamaikan konflik emosi, memupuk kesedaran diri, mengurus tingkah laku dan ketagihan, membangunkan kemahiran sosial, memperbaiki orientasi realiti, mengurangkan kebimbangan, dan meningkatkan harga diri (AATA, 2013). Menurut *Oxford Dictionary of Psychology* (2003), perkataan terapi seni berasal daripada perkataan Greek iaitu ‘therapeuein’ yang membawa maksud kepada memulihkan atau untuk dijaga, manakala perkataan terapi seni merupakan suatu bentuk psikoterapi di mana klien atau pesakit digalakkan untuk meluahkan perasaan dan konflik dalaman diri mereka menerusi seni. Seni yang dimaksudkan termasuklah karya seperti sajak, lukisan, muzik dan lain-lain yang diciptakan dengan bakat (kecekapan), hasil daripada sesuatu ciptaan (Rafidah & Noriah, 2013). Konklusinya dapat ditakrifkan terapi seni merupakan rawatan yang terhasil daripada sesuatu ciptaan atau karya.

1.9.5 Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

Pembelajaran bukan setakat merangkumi penguasaan pengetahuan kemahiran semata-mata, tetapi perkembangan emosi, sikap, nilai estetika dan kesenian serta ciri dalaman (Sihes A.J., 2010). Selain itu, beberapa ahli psikologi meletakkan persamaan bahawa definisi pembelajaran ini memberi penekanan kepada perubahan tingkah laku. Manakala pemudahcaraan ini lebih meletakkan tugas guru tersebut dalam membawa peranan sebagai pemudah cara. Hal ini termaktub dalam Standard Kualiti Pendidikan

Malaysia gelombang 2 (SKPMg2) menyatakan guru berperanan sebagai pemudah cara dalam proses pembelajaran dan pengajaran (PdP) yang berkesan untuk memperkembangkan potensi murid secara menyeluruh dan meningkatkan pencapaian murid pada tahap optimum secara berterusan (KPM, 2017).

1.10 Rumusan

Di dalam bab ini, latar belakang kajian dan masalah yang dihadapi oleh penyelidik telah dikemukakan sebagai bukti keperluan kajian ini ingin dijalankan. Seterusnya, penumpuan diberikan terhadap tiga objektif kajian dan tiga persoalan kajian utama dalam kajian ini yang akan melihat kepada keperluan, reka bentuk dan penerokaan potensi tugas seni terapeutik di sekolah rendah. Kepentingan kajian ini dikategorikan kepada tiga pihak termasuklah Kementerian Pendidikan Malaysia, sekolah, guru dan murid. Penyelidik turut menyatakan skop batasan kajian dan definisi operasional untuk istilah utama yang digunakan sepanjang pelaksanaan kajian ini.